



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

**PANDUAN PEMBAYARAN
YURAN KURSUS SECARA
DALAM TALIAN BAGI
KURSUS ANJURAN
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
(INTAN)**



**PANDUAN PEMBAYARAN YURAN KURSUS
SECARA DALAM TALIAN BAGI
KURSUS ANJURAN INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**

****Penafian :**

Pembayaran yuran kursus dalam talian ini hanya menyokong **kursus-kursus anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) SAHAJA**. Bagi kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian/Agensi selain INTAN, kaedah pembayaran yuran kursus tertakluk kepada Kementerian/Agensi berkenaan.

Maklumat tambahan :

1. Kursus-kursus anjuran INTAN adalah termasuk semua kampus-kampus INTAN seperti berikut :
 - i. INTAN Kampus Utama Bukit Kiara
 - ii. INTAN Kampus Wilayah Utara (INTURA)
 - iii. INTAN Kampus Wilayah Timur (INTIM)
 - iv. INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS)
 - v. INTAN Kampus Sabah (INSABAH)
 - vi. INTAN Kampus Sarawak (INSARA)

2. **Kaedah pembayaran secara dalam talian hanya menyokong pembayaran melalui FPX sahaja**. Kaedah bayaran menggunakan aplikasi seperti TouchNGo eWallet, Boost, MAE atau lain-lain kaedah tidak tersedia.

3. Tempoh pembayaran dan jumlah yuran kursus adalah berbeza mengikut tetapan oleh urusetia kursus. Peserta perlu membuat pembayaran sebelum tarikh akhir pembayaran dan bagi yang gagal membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan, pihak urusetia mempunyai hak untuk menggugurkan nama peserta dari kursus dan digantikan oleh peserta lain.


LANGKAH-LANGKAH

PEMBAYARAN YURAN KURSUS SECARA DALAM TALIAN

1. Peserta yang terpilih untuk mengikuti kursus dan menerima surat tawaran perlu melayari www.dtims.intan.my.
2. Klik **Log Masuk**.




3. Masukkan Nombor MyKad dan katalaluan, kemudian klik butang **Daftar Masuk**.

A screenshot of the 'DAFTAR MASUK' login form. The form is titled 'DAFTAR MASUK' and contains a text input field for 'No. Mykad (Contoh : 880109035368)', a password input field, and a 'Daftar Masuk' button. Below the password field is a link that says 'Lupa kata laluan?'. At the bottom of the form, there is a link that says 'Tidak mempunyai akaun ? Daftar akaun'.

4. Setelah berjaya log masuk, klik pada nama, seterusnya klik pada **Dashboard Pengguna**.




5. Dashboard Pengguna akan dipaparkan, seterusnya klik **Senarai Permohonan**.



6. Paparan Senarai Permohonan akan menyenaraikan kursus-kursus yang telah dimohon. Klik butang berwarna merah untuk membuat pembayaran.

** Kursus-kursus bukan anjuran INTAN hanya memaparkan maklumat yuran kursus sahaja.



7. Paparan maklumat kursus dan jumlah yuran akan dipaparkan. Klik butang **Bayar Menggunakan FPX**.



8. Seterusnya, peserta perlu membuat pilihan bank dan klik butang **Seterusnya**.

Bayar melalui  FPX (Akaun Semasa dan Simpanan)

PEMBAYARAN YURAN
KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN

Nama Kursus	:	KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN
Tarikh Kursus	:	25-11-2024 hingga 26-11-2024
JUMLAH YURAN	:	RM 30.00
PILIHAN BANK *	:	<input type="text" value="Maybank2U"/>

9. Pada paparan ini, peserta perlu tanda (✓) pada kotak yang disediakan sebagai tanda setuju dengan Terma dan Syarat FPX. Klik butang **Lakukan Pembayaran** dan paparan laman web bank akan dipaparkan mengikut pilihan bank peserta. Peserta perlu meneruskan transaksi bank sehingga selesai.


Bayar melalui  FPX (Akaun Semasa dan Simpanan)

PEMBAYARAN YURAN
KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN

Nama Kursus	:	KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN
Tarikh Kursus	:	25-11-2024 hingga 26-11-2024
JUMLAH YURAN	:	RM 30.00

Dengan Mengklik butang "Lakukan Pembayaran" di bawah, anda bersetuju dengan Terma & Syarat FPX

10. Setelah transaksi pembayaran selesai, paparan ringkasan transaksi pembayaran akan dipaparkan beserta Status Transaksi. **Sila pastikan Status Transaksi adalah Berjaya**. Peserta boleh klik butang Cetak Resit Bayaran untuk muat turun resit bayaran atau klik butang Senarai Permohonan untuk melihat senarai permohonan kursus.

 **FPX**
Pay with Online Banking

**PEMBAYARAN YURAN
KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN**


Terima kasih kerana telah membuat pembayaran yuran kursus.

MAKLUMAT TRANSAKSI

Status Transaksi	: ✔ BERJAYA
ID Transaksi FPX	: 2411210905310087
Tarikh & Masa Transaksi FPX	: 21-11-2024 09:05:31 AM
No. Resit Pembayaran	: 22010440/11/2024/001
Nama Bank Pembayar	: SBI BANK A
Jumlah Transaksi	: RM 30.00

[Senarai Permohonan](#)
[Cetak Resit Bayaran](#)

11. Sekiranya peserta klik pada butang **Cetak Resit Bayaran**, fail resit bayaran akan dipaparkan dan peserta boleh mencetak atau memuat turun fail berkenaan.



**KERAJAAN MALAYSIA
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**

**RESIT RASMI
ASAL**

No. Resit: 22010440/11/2024/001
Tarikh/Masa Bayaran: 21/11/2024 / 09:05:31 AM

Diterima daripada :	MOHAMAD IZZAT BIN HAMID	Status Pembayaran :	BERJAYA
No. Kad Pengehalan :	[REDACTED]	Kaedah Bayaran :	Electronic Fund Transfer (EFT)
Alamat :	[REDACTED]	Bank :	SBI BANK A
E-mel :	[REDACTED]		
No. Akaun/Rujukan Permohonan :	INTIM/01	No. Rujukan Bayaran/Transaksi :	2411210905310087

Bil.	Perihal Terimaan	Kod Akaun	Kaedah Bayaran	Kuantiti	Amaun Seunit (RM)	Amaun (RM)
1	Yuran Kursus	H0272204	EFT	1	30.00	30.00
Jumlah						30.00

Ringgit Malaysia : TIGA PULUH SAHAJA


Catatan : TZA0009 KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN

Kumpulan PTJ & PTJ Menyedia : 22010440 KUMPULAN PTJ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) KAMPUS WILAYAH TIMUR

Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani

No. Kelulusan Perbendaharaan :
Resit ini dijana oleh DTIMS

12. Pada paparan senarai permohonan, peserta dapat melihat butang **Cetak Resit Bayaran** bagi kursus yang telah selesai transaksi pembayaran yuran kursus.



The screenshot displays a user interface for course applications. At the top, there are navigation tabs: Profil, Senarai Permohonan (selected), Kursus Cadangan, and Makluman. Below the tabs, there are sub-tabs: Senarai Permohonan and Sejarah Permohonan. A horizontal menu contains several options: Papar Kursus, Cetak Surat Tawaran, Maklumbalas Kehadiran, Batal Permohonan, Penilaian Kursus, Cetak Sijil, and Alasan Tidak Hadir. The main content area is titled 'Senarai Permohonan' and contains a table with the following data:

Bil	Kod & Nama Kursus	Tarikh	Status	Yuran Kursus	Aktiviti
1	[TZA0009] Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan [Siri 1/2024]	25/11/2024 - 26/11/2024	Berjaya	Cetak Resit Bayaran	View, Print, Upload
2	[REDACTED]	22/11/2024 - 22/11/2024	Berjaya	Cetak Resit Bayaran	View, Print, Upload
3	[REDACTED]	06/01/2025 - 10/01/2025	Berjaya	RM 0.00	View, Print, Upload, Download

13. Maklumat transaksi pembayaran yuran kursus secara automatik akan direkodkan ke dalam sistem. Peserta yang tidak membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan, pihak urusetia kursus mempunyai hak untuk menggugurkan peserta tersebut dari menghadiri kursus.

